

## ELEMEN DAKWAH DALAM REFORMASI PAKAIAN SERAGAM JURURAWAT TENTERA DARAT WANITA MUSLIM: KAJIAN KES ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (1970-2018)

DA'WAH ELEMENT IN REFORMING THE UNIFORM OF MUSLIM FEMALE ARMY  
NURSES: A CASE STUDY OF MALAYSIAN ARMED FORCES (1970-2018)

\*<sup>i</sup>S. Saidun, \*<sup>ii</sup>E.Akhmetova

<sup>i</sup>Department of History and Civilization, Kuliyyah of Islamic Revealed Knowledge and  
Human Sciences, International Islamic University, Malaysia

<sup>ii</sup>Freiburg Institute for Advanced Studies (FRIAS), the Albert Ludwig University of Freiburg,  
Germany

\*Corresponding Author: e-mail: s\_salilah@yahoo.com

### ABSTRAK

Sejarah Kor Kesihatan Diraja Angkatan Tentera Malaysia bermula sejak tahun 1933 iaitu ketika Malaysia masih di era kolonial. Namun pengambilan pertama jururawat Tentera Darat wanita bermula pada tahun 1970. Sejak itu, pakaian seragam Tentera Darat wanita telah mengalami pelbagai perubahan. Walaubagaimanapun, evolusinya belum pernah dibincangkan secara akademik. Kajian kes ini bertujuan untuk mengkaji sejarah perubahan pakaian seragam tersebut serta usaha yang dilakukan untuk mereformasikannya. Analisis kandungan data-data yang dikumpul melalui kajian kepustakaan dan temu bual mendapati bahawa pakaian seragam jururawat Tentera Darat wanita Malaysia boleh dibahagikan kepada dua fasa, iaitu fasa pewarisan ciri-ciri pakaian seragam kolonial (1970 – 1995) diikuti oleh fasa penerapan ciri-ciri Islam serta kebudayaan Melayu di Malaysia (1995 – kini). Proses reformasi ke arah pakaian yang lebih mesra Muslimat tersebut telah melibatkan pelbagai pihak dengan peranan yang besar dimainkan oleh Kor Agama Angkatan Tentera. Pelbagai strategi telah digunakan untuk mengatasi cabaran-cabaran yang didepani untuk merealisasikan aspirasi menjadikan pakaian seragam tersebut lebih menepati budaya dan agama masyarakat Melayu yang boleh dijadikan contoh oleh institusi lain yang sedang berusaha mencapai aspirasi yang serupa.

**Kata kunci:** sejarah pakaian seragam tentera, sejarah pakaian seragam jururawat, pengamalan agama ketika bekerja, Islamisasi, pasca kolonial.

### ABSTRACT

*The history of the Royal Medical and Dental Corps of the Malaysian Defence Forces started in 1933, during the colonial era. However, the first intake of Army nurses began in the 1970. Since then, the uniform of the Army nurses had seen various revisions. Yet, the evolution has*

*never been deliberated academically. This case study aims to investigate the history of the evolution of the Army nurse uniform and the reformation processes. Content analysis was conducted on the data retrieved through library research and interview. The Army nurse uniform had been revised multiple times but can be generally divided into the phases of adopting the colonial style (1970-1995) and incorporating the Malays' religious and cultural identity (1995-present). The process of reforming the uniform to make it more Muslim-friendly involved numerous parties, while the Religious Corp of the Malaysian Defence Forces played a major role in the process. Various strategies were employed to overcome the challenges in actualising the aspiration of making the uniform more befitting in the Malay-Muslim religious and cultural context, which may be applicable in current similar effort to accomplish similar aspiration.*

**Keyword:** army uniform history, nurse uniform history, religious accommodation at work, Islamisation, postcolonial

## PENGENALAN

Malaysia pernah berada di bawah pemerintahan kuasa asing sebelum memperoleh kemerdekaan politiknya pada tahun 1957. Pemerintahan kolonial membawa perubahan besar kepada Malaysia dari pelbagai segi termasuklah dari segi sosial, politik dan ekonomi. Sistem pentadbiran, kebijakan dan pendidikan yang diaplikasikan ketika era kolonial membawa impak yang besar terhadap nilai profesionalisme mahupun norma hidup masyarakat awam. Pihak British telah membawa pemodenan dalam sistem kesihatan di negara ini berdasarkan modelnya, termasuklah dalam struktur pentadbiran kesihatan, latihan pekerja-pekerja kesihatan dan kod etika profesional. Oleh itu, pakaian seragam jururawat pra-kemerdekaan terdiri daripada pakaian berlengan pendek yang labuhnya hingga ke paras lutut, sungguhpun majoriti penduduk tempatan di negara ini adalah orang Melayu-Muslim yang secara tradisionalnya memakai pakaian yang berlengan panjang (atau sekurang-kurangnya ke paras pertengahan antara siku dan pergelangan tangan) dan berkain sarung labuh hingga ke buku lali.

Setelah lebih enam dekad mencapai kemerdekaan, pakaian seragam ala kolonial jarang sekali kelihatan hari ini di mana pakaian seragam jururawat yang berlengan panjang, berseluar panjang (atau berkain labuh) serta tudung digunakan oleh jururawat Muslimat di kebanyakan institusi penjagaan kesihatan di Malaysia. Evolusi pakaian seragam jururawat berbeza di beberapa institusi jagaan kesihatan di Malaysia. Pakaian jururawat Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil masa lebih empat dekad selepas kemerdekaan untuk berubah daripada pakaian ala kolonial kepada pakaian yang mesra Muslimat setelah diusahakan

penukaran tersebut oleh pelbagai golongan di pelbagai peringkat (Saidun dan Akhmetova, 2022). Hospital Universiti Sains Malaysia pula mengambil masa lebih kurang tiga tahun untuk membenarkan jururawat menutup aurat secara separa rasmi sejak ditubuhkan pada tahun 1983, sehingga dibenarkan menutup aurat secara rasmi pada pertengahan 1990an (Saidun dan Akhmetova, 2020). Berbeza dengan institusi lain, Hospital Pusrawi yang membawa nama Islam (ketika awal penubuhannya dikenali sebagai Pusat Rawatan Islam) memperkenalkan pakaian seragam yang menutup aurat sejak penubuhannya pada tahun 1984 (Saidun, Akhmetova dan Rahman, 2021). Pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga tidak ketinggalan dalam mereformasikan pakaian seragam jururawat Tentera Darat (TD), akan tetapi sejarah perubahan tersebut belum pernah direkodkan secara akademik. Kertas kerja ini bertujuan untuk melaporkan transformasi pakaian seragam jururawat TD di Malaysia.

### **Latar Belakang Institusi**

Bahagian Kejururawatan ATM adalah salah satu bahagian di bawah Kor Kesihatan DiRaja. Sejarah kor ini bermula dengan pembentukan Kompeni Percubaan Rejimen Askar Melayu pada 1 Mac 1933. Seterusnya seorang pegawai perubatan telah ditauliahkan ditugaskan buat pertama kalinya pada 15 Julai 1940 di dalam Batalion Pertama Askar Melayu. Selepas kemerdekaan negara pada tahun 1957, Sel Perubatan telah ditubuhkan dalam Cawangan Anggota, Bahagian Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan. Cawangan 'Perubatan dan Pergigian' ditubuhkan di bawah Kor Perkhidmatan Am pada tahun 1960, yang kemudiannya menjadi Jabatanarah Perubatan beberapa tahun selepas itu (Bidin et al., 2003, hlm. 3-16). Tan Sri Ibu Zain mencadangkan kemasukan wanita dalam angkatan tentera pada tahun 1964 dan pengambilan wanita rasmi pertama didaftarkan pada tahun 1965 (Muzium Tentera Darat Port Dickson Negeri Sembilan, 2017c). Pada 10 Disember 1965, Kumpulan Medan Perubatan Pertama telah ditubuhkan bersama Pasukan Pembedahan dan Transfusi Medan Pertama yang merintis pembentukan batalion-batalion perubatan lain. Tarikh 11 Mei 1967 menyaksikan permulaan Kor Ubatan dan Gigian. Ketika tahun 1970an, pihak ATM mempunyai dua Hospital Angkatan Tentera yang berpengkalan di Kinrara dan Terendak, juga beberapa Rumah Sakit Angkatan Tentera, Pusat Pergigian Angkatan Tentera serta Pusat Perubatan Angkatan Tentera di Malaysia. Pada tahun 1988, kor ini mula dikenali sebagai Kor Kesihatan Angkatan Tentera dan sejak tahun 1997, kor ini dijenamakan semula sebagai Kor Kesihatan DiRaja (Bidin et al., 2003).

Perubahan polisi sesebuah institusi sering berkaitrapat dengan barisan pemimpinan institusi tersebut. Sejak kemerdekaan, Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan yang menerajui Kementerian Pertahanan Malaysia merupakan portfolio yang digalas oleh ahli politik berbangsa Melayu, sehingga tahun 2018 apabila jawatan Timbalan Menteri Pertahanan buat pertama kalinya diisi oleh ahli politik bukan Melayu dan bukan Islam (Pejabat Menteri Pertahanan, 2018; Pejabat Timbalan Menteri Pertahanan, 2018). Majlis Angkatan Tentera dianggotai oleh Menteri Pertahanan, Panglima Angkatan Tentera (PAT), Panglima Tentera Darat (PTD), Panglima Tentera Laut (PTL), Panglima Tentera Udara (PTU), Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia dan beberapa ahli yang lain (Kementerian Pertahanan Malaysia, 2019). PAT terdiri daripada orang-orang Melayu sejak 1964<sup>1</sup>. Kor Kesihatan DiRaja adalah sebahagian daripada Tentera Darat yang diketuai oleh dua Panglima Tentera Darat (PTD) terawal yang berbangsa Inggeris sebelum digantikan oleh para PTD berbangsa Melayu sejak tahun 1962 (Tentera Darat Malaysia, 2018). Panglima Tentera Laut (PTL) pertama (1957-1960) berasal dari England, diikuti oleh tiga PTL yang berasal dari Australia (1960-1967), seterusnya diganti oleh warga Malaysia berbangsa India (1967-1977) sebelum diambil alih oleh para PTL berbangsa Melayu sehingga hari ini (Akmal, 2019). Jawatan PTU pula diisi oleh lima orang PTU berbangsa Inggeris sebelum digantikan oleh PTU berbangsa Melayu sejak tahun 1968 hingga kini<sup>2</sup>. Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia juga merupakan jawatan yang sentiasa disandang oleh tokoh-tokoh Melayu sehingga kini (Pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, 2018; *Senarai Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja*, 2018).

Perkhidmatan kejururawatan di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia dibahagikan kepada jururawat awam dan jururawat TD tetapi kajian ini hanya memfokuskan kepada jururawat TD. Ambilan pertama bagi jururawat TD bermula dengan pengambilan pelatih pembantu jururawat pada tahun 1970 yang menjalani latihan di unit latihan di Hospital Angkatan Tentera Terendak (yang kemudiannya dikenali sebagai Sekolah Ubatan dan Gigian pada tahun 1980, Sekolah Kor Kesihatan pada tahun 1988, Institut Latihan Kesihatan Tentera

<sup>1</sup> Maklumat ini diperolehi daripada beberapa sumber (Ariffin, 2009; David, 2019; "Mohd Anwar - Utamakan Keluarga," 2018; "Panglima ATM Baharu Mulakan Tugas Rasmi," 2016; "Peranan Tentera Dalam Pembangunan," 1986; Omar, 1986; Ramly, 2001; Rusli, 2017; Ruzaini, 2017)

<sup>2</sup> Maklumat ini diperolehi daripada beberapa sumber ("Affendi Buang Dilantik Panglima TUDM Baharu," 2016; "Air Force Chief Here," 1958; "Australian Tour," 1968; "DPP: 1pc Demand by Air Chief Is 'Mere Allegation,'" 1978; "Latihan Elang Malindo 25/2014 Berjaya Tingkat Prosedur Operasi Bersama," 2014; "New Chief for Royal Malaysian Air Force," 1965; "New RMAF Chief: It Is a Privilege," 1965; "Parade for Stacey," 1963; "RMAF to Switch Role," 1985; "Roslan Saad Dilantik Panglima Tentera Udara Baharu," 2014; Kumpulan Media Karangkraf, 2013)

Darat pada tahun 1994 dan Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera, INSAN, sejak tahun 1996). Program latihan pembantu jururawat TD tamat selepas pengambilan pelatih kali keenam belas. INSAN mula menawarkan program Diploma Kejururawatan sejak Julai 2004 kepada pelatih yang ingin menjadi jururawat TD (Bidin et al., 2003).

Sama seperti anggota ATM yang lain, jururawat TD mempunyai beberapa jenis pakaian seragam untuk acara-acara yang berbeza, seperti di bawah (Muzium Tentera Darat Port Dickson Negeri Sembilan, 2017b).

1. Pakaian Istiadat (Pakaian Nombor 1)
2. Pakaian Jaket *Bush* (Pakaian Nombor 2)
3. Pakaian kerja (Pakaian Nombor 3)
4. Pakaian kawad (Pakaian Nombor 4)
5. Pakaian celoreng (Pakaian Nombor 5)
6. Pakaian *Mess Kit* (Pakaian Nombor 6)
7. Pakaian kebangsaan (Pakaian Nombor 7)
8. Pakaian khidmat (Pakaian Nombor 8)
9. Pakaian simpanan (Pakaian Nombor 9)
10. Pakaian sukan (Pakaian Nombor 10)

Akan tetapi, kajian kes ini dibataskan untuk meliputi pakaian seragam yang dipakai semasa kerja-kerja kejururawatan secara langsung, iaitu ketika memakai Pakaian Nombor 3 dan Nombor 5. Kajian ini juga memfokuskan kepada bentuk pakaian itu sahaja dan tidak mengambil kira pemakaian simbol pangkat serta anugerah yang dipakai di lengan, bahu serta dada.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian kes. Memandangkan kertas kerja dan minit mesyuarat berkaitan proses reformasi pakaian jururawat TD diperolehi kerana merupakan dokumen sulit, pelbagai sumber lain digunakan untuk mengumpul maklumat berkaitan. Kajian kepustakaan dijalankan untuk mengumpulkan data yang terkandung dalam rencana akhbar, artikel majalah, buku, gambar dan pameran berkaitan ATM yang terdapat di Muzium Tentera Darat Port Dickson, Muzium Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera Terendak dan Wisma Pertahanan Kuala Lumpur. Selain itu, temu bual bersua muka dijalankan dengan empat belas orang warga kerja Kementerian

Pertahanan Malaysia yang boleh memberi maklumat berkenaan tajuk kajian. Kelulusan etika diperolehi daripada Jawankuasa Etika, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (Nombor rujukan kelulusan: HATTM/EK/17-02). Untuk menjaga kepentingan peserta, Jawatankuasa Etika mewajibkan identiti semua peserta dirahsiakan dan tidak membenarkan gambar-gambar sebenar dimasukkan dalam hasil penulisan yang terbit daripada kajian ini. Oleh itu, peserta kajian hanya akan dikenalpasti dengan nombor sahaja tanpa mendedahkan sebarang maklumat tentang identiti mereka. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis semua data yang dikumpul.


## **DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan analisis kandungan terhadap data yang dikumpul dari pelbagai sumber yang telah dinyatakan, pakaian seragam jururawat TD wanita telah mengalami beberapa perubahan dalam tempoh lima dekad. Walaubagaimanapun, evolusi pakaian seragam jururawat TD menonjolkan dua fasa yang jelas, seperti yang diuraikan di bawah.

### **Fasa 1: Pewarisan Ciri-ciri Pakaian Seragam Kolonial (1970 – 1995)**

Ketika kumpulan pertama pembantu jururawat TD melapor diri pada tahun 1970, pakaian seragam Nombor 3 yang dikenakan adalah pakaian berlengan pendek dengan *skirt* paras lutut seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 1. Walau bagaimanapun, pakaian seragam untuk tugas di medan perang (Nombor 5) terdiri daripada baju lengan panjang bersama seluar panjang (Gambarajah 1). Kedua-dua pakaian ini adalah sama untuk semua anggota wanita TD dan bukan khusus untuk jururawat TD.

Pakaian seragam jururawat TD diubah buat kali pertama pada 1986, seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 2. Berbeza dengan pakaian seragam dalam Gambarajah 1, pakaian seragam yang mengalami pertukaran kali ini memperlihatkan dua jenis Pakaian Nombor 3 untuk jururawat TD, iaitu pakaian yang dipakai oleh semua anggota wanita TD termasuk jururawat TD (gambar paling kiri dalam Gambarajah 2) dan juga satu lagi jenis Pakaian Nombor 3 yang khusus untuk jururawat TD (gambar tengah dalam Gambarajah 2).




Pakaian Nombor 3  
(berwarna Hijau Port Dickson)

Pakaian Nombor 5  
(bercorak celoreng)

**Gambarajah 1.** Pakaian seragam jururawat TD sejak tahun 1970 hingga 1986 (Bidin et al., 2003; *Aktiviti Wanita Tentera Darat*, 2017).

Gambar ilustrasi yang dibuat oleh penulis berdasarkan sumber-sumber di atas.



Pakaian Nombor 3 Jenis 1  
(berwarna Hijau Pertahanan)

Pakaian Nombor 3 Jenis 2  
(berwarna putih dengan  
tali pinggang hitam)

Pakaian Nombor 5  
(bercorak celoreng)

**Gambarajah 2.** Pakaian seragam jururawat TD sejak tahun 1986 hingga 1995 (Muzium Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera, 2017; “Tugas Penting Jururawat Tentera,” 1986; “Uniform Baru Tentera Darat Tahan Lasak,” 1986)

Gambar ilustrasi yang dibuat oleh penulis berdasarkan sumber-sumber di atas.

Pakaian seragam jururawat TD menyerupai seragam tentera wanita era kolonial walaupun jawatan itu mula diperkenalkan lebih tiga belas tahun setelah Malaysia merdeka. Proses mengintegrasikan nilai kebudayaan dan keagamaan penduduk setempat bermula pada tahun 1980-an selepas penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) pada tahun 1985 (Unit IT Sel Media, 2019b). Misi kor ini adalah untuk meningkatkan profesionalisme ATM melalui pendidikan Islam dan perkhidmatan keagamaan (Markaz Angkatan Tentera Malaysia, 2019), sejajar dengan dasar Malaysia yang baru diperkenalkan pada masa itu, iaitu Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran. Dasar ini diperkenalkan oleh Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad (Jabatan Penerangan Malaysia, n.d.). Tanggungjawab KAGAT, antara lain, adalah mengkaji semula dasar ATM untuk mematuhi ajaran Islam dan menyediakan pendidikan Islam serta perkhidmatan kerohanian kepada anggota ATM (Markaz Angkatan Tentera Malaysia, 2019). Sejak penubuhan KAGAT, status Islam dalam institusi ATM meningkat dari semasa ke semasa menuju misi dan visinya (Mohd Zin, 2006).

Tapi pada masa itu pun mungkin sudah ada hasrat untuk menukar sebab KAGAT pun pada masa itu sudah berapa tahun ditubuhkan. Mungkin memang ada hasrat mereka untuk membuat pakaian baru yang lebih kepada Islamik... Ketika saya masuk [ATM] pada awal 1990-an pun usaha ke arah Islam itu sudah bermula. Pada masa itu kita ada aktiviti keagamaan yang mewajibkan kita menutup aurat. Kita ada tahlil. Kalau di pusat latihan Maktab Tentera DiRaja memang jika tiada aktiviti luar memang dalam jadual pada hari Khamis malam Jumaat memang ada bacaan yasin dan tahlil. Dan masa itu wanita semua diwajibkan memakai pakaian yang menutup aurat. Dan polisi pakaian kita pun, ketika lelaki diwajibkan memakai pakaian kebangsaan, memang kita diwajibkan memakai baju kurung. Cuma ketika itu belum diwajibkan pakai tudung (Peserta 6, 2017).

Seperti yang dinyatakan di atas, pakaian seragam diubah buat pertama kalinya pada tahun 1986 seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 2. Faktor utama perubahan tersebut yang dilaporkan adalah kerana warna 'Hijau Port Dickson' (*Port Dickson Green*) pakaian seragam tersebut juga biasa digunakan oleh orang awam. Penggunaan warna oleh orang awam dipercayai boleh menjelaskan imej ATM yang memerlukan pakaian seragam yang unik untuk mengurangkan kekeliruan. Oleh itu, warna pakaian seragam diubah kepada warna 'Hijau Pertahanan' (*Defense Green*) lalu diwartakan untuk mengelakkan orang awam

daripada menggunakaninya. Di samping itu, perubahan juga didorong oleh fakta bahawa Pakaian Nombor 3 (rujuk Gambarajah 1) dikatakan hanya sesuai untuk kerja pejabat dan kurang sesuai untuk kerja di luar pejabat. Manfaat penukaran warna tersebut juga memberi implikasi kewangan yang lebih rendah kerana warna baharu itu tidak mudah dengan pudar. Reka bentuk pakaian seragam itu mengambil kira pakaian seragam tentera negara jiran untuk memastikan pakaian seragam ATM unik dan mudah dibezakan. Selain perubahan warna, *skirt* wanita TD juga dilabuhkan sedikit ke paras betis (“Uniform Baru Tentera Darat Tahan Lasak,” 1986).

Peserta kajian ini memberikan pencerahan yang lebih besar mengenai faktor dan proses reformasi pakaian seragam wanita TD. Pertama, pakaian seragam itu itu sukar diterima oleh masyarakat Melayu. Sebahagian keluarga anggota wanita TD yang membantah keinginan mereka untuk menyertai tentera kerana pakaian seragam itu.

Persepsi masyarakat ketika itu terutamanya di kalangan keluarga saya di Kelantan memang sangat negatif sebab dari segi pandangan Islam. Kita kene memakai *skirt* sedangkan sebelum itu kita memakai tudung. Jadi ada tentanganlah daripada keluarga saya dalam memenuhi hasrat saya, tetapi saya kata mungkin akan ada berlaku pertukaran pakaian [pada masa akan datang], itu saya kata tanggungjawab majikan... Pada tahun 90-an, dalam komuniti tentera memang tiada masalah kerana memang itulah pakaianya. Dalam masyarakat, kawan-kawan saya pun agak negatif, saya tak boleh nak bercampur sangat dengan mereka, saya cuma berkawan dengan orang di dalam tentera sahaja (Peserta 6, 2017).

Peralihan masa membawa kepada peningkatan kesedaran agama di kalangan masyarakat Melayu. Ini termasuk kesedaran terhadap etika pemakaian dalam Islam. Peningkatan kesedaran tersebut antara lain membawa kepada kes perletakan jawatan oleh anggota wanita TD.

Ada [anggota tentera wanita] yang letak jawatan kerana pakaian seragam (Peserta 10, 2017).

Pakaian seragam yang digunakan ketika itu menonjolkan bentuk tubuh seorang wanita. Ia juga dikatakan tidak mencukupi untuk menjaga kehormatan wanita terutamanya semasa aktiviti yang memerlukan pelbagai pergerakan, seperti memanjat, mencangkung,

melompat, berdiri di tempat tinggi atau pergerakan pergerakan lain. Semasa perarakan, pakaian seragam tersebut juga tidak mencukupi untuk menutup bahagian tubuh yang mengaibkan sekiranya seseorang anggota wanita jatuh pengsan contohnya.

Kadang-kadang apabila kita terlibat dengan perjumpaan ke, apabila hendak masuk, kita rasa macam segan, jadi saya daripada asal saya masuk [tentera], saya punya persepsi diri saya, “*Eh, aku tidak boleh gemuklah*”, kerana kita tidak tahu perubahan dari pakai *skirt* kepada pakai seluar itu akan berlaku, jadi kenekekalkan badan sentiasa langsing disebabkan itulah, kerana apabila pakai *skirt*, datang jumpa bos, kita punya naluri kan, “*Eh orang ni pandang aku ke?*”, jadi kita terasa kan, [seperti] seksi ke apa tapi yang pasti memang menonjol sangat kalau naik berat badan, nampak berisi kerana kita masukkan baju ke dalam *skirt* dia [bahagian lengkungan badan] akan terkeluar-terkeluar [menonjol].... Kadang-kadang semasa perbarisan ada angin kadang-kadang terbang semua [kain *skirt*] memang berlaku ketika itu, itu pun nasib baik jika kita pakai sarung kaki sampai ke atas tetapi warna kulit, masih menunjuk kan... Kadangkala kerja tu katalah orang pengsan ke kan, kita tonggang tonggek kan, nampak [bahagian yang tidak sepatutnya dilihat]. Lepas itu kalau angin tiup ke, kita tengah buat kerja-kerja ke, [juga menampakkan bahagian yang tidak sepatutnya]... Dari segi lain-lain [apabila kita memakai pakaian seragam bertudung kini] kalau perbarisan pun kalau jatuh kita rasa lega bukan pasal apa, apabila terbuka (butang baju) tudung masih lagi menutup [bahagian leher dan atas dada] dan ada sesetengah pakai *inner* [pakaian tambahan di bahagian dalam] jadi kita rasa lega dan selamat kalau kita terjatuh terbuka butang ke masih orang tidak akan ternampak apa-apa (Peserta 4, 2017).

Kita tentera, kalau kita pakai *skirt*, awak bayangkan kalau nak naik trak 3 tan tu pakai *skirt*, tidak ke terkangkang [ketika] naik trak tu. Tidak ada kesopanan di situ. Kecuali kita pakai baju celoreng, celoreng kan dengan seluar tu, kita boleh naik trak [dengan selesa]. Kita pergi memberi rawatan ke klinik-klinik luar, pakai *skirt* naik trak. Awak bayangkan macam mana tidak cantiknya kita kan (Peserta 7, 2017).

Pakaian seragam itu juga dilihat sebagai salah satu faktor gangguan seksual seperti komen yang tidak sepatutnya atau lebih daripada itu, walaupun statistik kejadian tersebut tidak diketahui.

Mereka kata macam seksi [dahulu], kerana kita pakai tali pinggang, jadi bagi orang yang berbadan besar, nampak seksi sebab perut itu naik, lepas tu punggung tu bulat, selalu kita kene kacau... Ketika itu memang banyak berlaku *sexual harrassment* cuma kita tidak tahu gangguan seksual itu apa, mungkin pandangan mata, kemudian sebutan macam “*kau ni seksilah*”, itu dikira gangguan seksual (Peserta 4, 2017).

Macam pengalaman orang lama, masuk latihan, sebab pakaian sebegini, memang ada yang cuba meraba (Peserta 5, 2017).

Selain itu, sukar bagi anggota TD wanita untuk menyertai acara agama di tempat kerja kerana pakaian yang mendedahkan aurat yang tidak sesuai dengan ajaran Islam.

Sebenarnya pranita [Tentera Darat wanita] ini dia pun tidak selesa [dengan pakaian seragam tersebut], apabila dia pakai *skirt*, dia menghadiri kenduri doa selamat, dia tidak selesa. Dia duduk tu saya tengok bila hendak duduk tu nampak lutut, orang perempuan dia tidak selesa. Kalau ada kematian dia kene balik tukar baju [untuk menziarahi si mati] (Peserta 11, 2017).

Di samping itu, anggota wanita TD juga sukar untuk menyembunyikan kesan darah haid (jika kebocoran haid berlaku) kerana baju tersebut dimasukkan ke dalam *skirt*.

Kalau kita datang bulan ke, kalau pakai *skirt* kita tidak boleh menutup [kesan kebocoran]. Kalau macam ini [pakaian seragam sekarang], kalau datang bulan kalau kita tidak tahu tarikh itu kita akan datang bulan, kalau kita cuci-cuci sudah tidak nampak sebab tertutup dengan jaket kita [yang labuhnya pelepas paras punggung], itu faktor keselamatan (Peserta 4, 2017).

Ketika itu, terdapat beberapa anggota tentera yang mengutarakan isu ini di peringkat individu apabila beberapa anggota wanita TD telah mula berpakaian mengikut ajaran Islam di luar tempat kerja. Ketika bertugas pula, mereka cuba meminimumkan pendedahan tubuh melalui beberapa cara, misalnya dengan memakai beberapa lapisan stokin jarang yang

panjang (*pantyhose*) dan dengan menjadikan *skirt* lebih labuh dari yang ditetapkan. Salah seorang peserta menceritakan bagaimana dia memakai pakaian yang menutup aurat (termasuk bertudung) ketika pergi bekerja, lalu bertukar kepada pakaian seragam tersebut di tempat kerja, kemudian memakai semula pakaian menutup aurat setelah waktu kerja tamat sebelum meninggalkan bangunan tersebut. Beliau juga memakai pakaian yang menutup aurat sepenuhnya ketika bekerja pada hari Sabtu kerana mereka tidak diberi kebenaran untuk tidak memakai pakaian seragam di tempat kerja pada hari itu. Kelakuannya itu pernah menjadi usikan rakan sekerja (Peserta 6, 2017) Apabila peluang muncul, keperluan untuk menukar polisi pakaian seragam yang lebih mesra Muslimah disuarakan kepada pihak atasan yang kemudian disalurkan keperluan kepada pihak yang lebih tinggi (Peserta 9, 2017).

Institusi ketenteraan menekankan kepatuhan kepada peraturan sepanjang masa. Oleh itu, satu-satunya cara yang mungkin untuk mendapatkan kebenaran rasmi untuk memakai pakaian seragam panjang lengan panjang dengan tudung adalah untuk mengubah polisi pakaian seragam anggota wanita TD di peringkat institusi. Hal ini memerlukan sokongan dan kelulusan pegawai tinggi di peringkat Majlis Angkatan Tentera. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, hanya PTL sahaja yang bukan berbangsa Melayu dalam Majlis Angkatan Tentera ketika jawatan jururawat TD diperkenalkan pada tahun 1970. Bermula pada tahun 1977, kesemua ahli Majlis Angkatan Tentera adalah orang-orang Melayu. Namun sistem kolonial yang telah lama diamalkan mungkin mengambil masa serta sukar untuk dikikis (Peserta 11, 2017).

Biarpun sukar, KAGAT dan Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Tentera Darat (JKHEWTD) mengorak langkah untuk mengubah polisi pakaian seragam anggota wanita TD. Tidak diketahui sama ada KAGAT telah mula mengusahakan perubahan pakaian seragam ketika pertama kali ia diubah pada tahun 1986 (Gambarajah 2) yang menggunakan *skirt* yang sedikit labuh berbanding sebelumnya (dari *skirt* parat lutut kepada *skirt* paras betis). Selepas perubahan pada tahun 1986, usaha terus giat dijalankan bagi mereformasikannya seiring norma budaya dan agama masyarakat Melayu yang merupakan penduduk majoriti di Malaysia. Penubuhan KAGAT pada tahun 1985 membawa kepada penubuhan Penubuhan Jawatankuasa Induk Etika Islam (JIPNI) dalam ATM yang berfungsi dalam menyelaraskan dasar Angkatan Tentera untuk selaras dengan ajaran Islam. Contoh dasar yang diperkenalkan setelah penubuhan JIPNI adalah Dasar Pembangunan Spiritual dan Mental Islam pada tahun 1991, yang telah diperkenalkan semasa jawatan Ketua Pengarah KAGAT yang pertama,

Brigadier Jeneral (Bersara) Tan Sri Dato 'Abdul Hamid Zainal Abidin (Peserta 11, 2017). Untuk meningkatkan kesedaran Islam, KAGAT menganjurkan pelbagai program yang bertujuan untuk pelbagai peringkat yang direka untuk menarik minat kakitangan sasaran, seperti menjalankan *nadwah* ilmiah di hotel bagi pegawai tinggi ATM, yang berlangsung selama beberapa hari (Peserta 11, 2017; Unit IT Sel Media, 2019a). Dalam usaha menjadikan ATM lebih menepati ajaran Islam (bukan hanya terhad kepada seragam tentera wanita), KAGAT merancang usahanya berdasarkan keperluan untuk menghapuskan lima kategori amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam: Shirik, Khurafat, Maksiat, Syubhat dan Makruh. Walaupun amalan yang lebih jauh bertentangan dengan Islam diberi keutamaan dalam usaha menghapuskannya, usaha untuk menghapuskan amalan dalam kategori yang lebih rendah berlaku serentak (Peserta 11, 2017).

Dalam JKHEWTD pula, usaha menukar seragam dimulakan oleh Mejar (Bersara) Ning Mahabi pada tahun 1990-an dan kemudian diteruskan oleh Mejar (Bersara) Sharifah Fatimah Syed Ibrahim dengan bantuan pegawai KAGAT, Leftenan Kolonel (Bersara) Azizah Salleh. Selain itu, Brigadier Jeneral (Bersara) Tan Sri Dato 'Abdul Hamid Zainal Abidin (bekas Ketua Pengarah KAGAT) dan Brigadier Jeneral (Bersara) Dato' Najmi Ahmad (Pegawai Staf 1 ketika itu dan kemudian menjadi Ketua Pengarah KAGAT) di JIPNI memberikan input dan menyokong cadangan itu (Peserta 10, 2017). Pakar-pakar rekaan pakaian dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) terlibat dalam proses menukar pakaian seragam pada tahun 1990-an (“Pranita Berpakaian Seragam Baru,” 1995). Akhirnya, pakaian seragam anggota wanita TD yang menutup aurat diluluskan oleh Majlis Angkatan Tentera pada 30 Januari 1995 dan dirasmikan pada 10 Mac 1995 (Mohd Zin, 2006; “Seragam Baru Pranita,” 1995). Pada hari perasmian, PAT Jeneral (Bersara) Dato 'Seri Che Md Noor bin Mat Arshad menyatakan bahawa Angkatan Tentera tidak mahu menafikan hak wanita Islam memakai pakaian seragam yang menepati kehendak Islam (“Seragam Baru Pranita,” 1995). Beliau juga menambah bahawa pakaian seragam sebegini lebih sesuai untuk mencerminkan sikap kesopanan masyarakat Timur (“ATM Rancang Swasta Hospital,” 1995). Walau bagaimanapun, transformasi terhadap pakaian seragam itu perlu dilakukan secara progresif kerana kontrak pembekalan pakaian seragam yang lama masih sah (“Seragam Baru Pranita,” 1995). Pemakaian tudung juga masih tidak dibenarkan semasa perarakan untuk memastikan keseragaman antara kakitangan beragama Islam dan bukan Islam (“Pranita Berpakaian Seragam Baru,” 1995). Transformasi telah menjadi kenyataan berikutnya pelbagai permintaan


daripada pelbagai kumpulan (“Pranita Berpakaian Seragam Baru,” 1995). Perasmian pakaian seragam baharu pada tahun 1995 tersebut menandakan permulaan fasa baharu.

### **Fasa 2: Penerapan Nilai-nilai Islam serta Kebudayaan Melayu di Malaysia (1995 – kini)**


Selepas lebih daripada dua dekad menggunakan pakaian seragam yang tidak mesra Muslimah, anggota wanita TD Islam akhirnya dibenarkan untuk memakai pakaian seragam seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 3.

Perubahan ini membawa implikasi positif dengan menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan pakaian seragam sebelumnya. Antara kesan yang dapat dirasai adalah apabila keluarga yang dahulunya menentang penglibatan wanita dalam ATM (atas faktor pakaian) kemudiannya menggalakkan saudara perempuannya untuk menyertai ATM seperti beliau kerana pakaian seragam wanita TD telah menjadi mesra Muslimah (Peserta 6, 2017). Di samping itu, ada peserta berpendapat bahawa pakaian seragam tersebut mengundang penghormatan yang lebih besar dari negara-negara Islam yang lain, malah merasakan bahawa mereka lebih dihormati oleh kaum lelaki. Malah, pakaian seragam bertudung lebih memudahkan anggota wanita untuk bersiap berbanding mendandan rambut dengan kemas untuk mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.

Pakaian Nombor 3



Pakaian Nombor 5



**Gambarajah 3.** Pakaian seragam jururawat TD sejak 1995 hingga kini (“Pranita Berpakaian Seragam Baru,” 1995; “Seragam Baru Pranita,” 1995)

Gambar ilustrasi yang dibuat oleh penulis berdasarkan sumber-sumber di atas.

[Mereka] negara [majoriti penduduk] Islam tapi [pakaian seragam tentera] mereka tidak memakai tudung. Tetapi apabila mereka melihat kita, kita memakai tudung, mereka kata bagusnya kalau dia dapat [pakaian seragam] macam kita... Lagi satu persepsi kita [tentang] persepsi negara-negara luar, apabila kita pakai hijab, tudung, mereka hormat dengan kita, tidak ada dia nak sentuh kita macam dia nak sentuh antara bangsa [lain], tiada, mereka memang hormat... jadi memang kita rasa kita dilindungi dengan pakaian kita... alhamdulillah dengan pakaian kita sebagai seorang wanita Islam, mereka bukan senang-lenang nak sentuh kita kan, kita selamat dengan perilaku kita sendiri kan. Kita selamat (Peserta 7, 2017).

Ada juga yang pakai tudung pada hari tersebut sahaja sebab tidak sempat hendak rapikan rambut [mengikut spesifikasi yang telah digariskan untuk tentera] (Peserta 5, 2017).

Jururawat TD yang ditemu bual juga berpendapat bahawa pakaian berlengan panjang tidak menjaskankan kualiti kerja jururawat.

Lengan panjang ni kalau kita lipat dengan betul, ia tidak akan menyebabkan jangkitan dan jangkitan itu berlaku apabila seorang jururawat tidak melakukan prosedur dengan betul. Bukan kerana lengan baju menyebabkan jangkitan. Betul lengan baju tu boleh menyebabkan jangkitan kalau jururawat tidak betul-betul lipat sampai ke atas siku (ketika procedur berlangsung sahaja), sebab untuk prosedur steril kita basuh tangan sampai ke siku (Peserta 7, 2017).

Kene ada pengetahuan. Jangkitan tu bergantung kepada kita sendiri, macam mana kita kendalikan dari segi kebersihan (Peserta 9, 2017).

Sejak tahun 1995, terdapat perubahan kecil kepada pakaian seragam. Pakaian seragam itu mula-mula menggunakan tudung yang diperbuat daripada kain satin untuk menggambarkan imej eksklusif tetapi kemudiannya diubah kepada tudung yang diperbuat daripada material fabrik lain yang lebih selesa. Warna tudung juga berubah dari hijau menjadi hitam kerana ia lebih memudahkan keseragaman (Peserta 6, 2017). Pengubahsuaian kecil

pada baju berlaku dengan memansuhkan belahan belakang baju kerana ia berpotensi ditiup angin, mendedahkan bahagian belakang terutamanya ketika menaiki motorsikal. Anggota wanita TD juga dibenarkan memakai tudung semasa perarakan tetapi tahun yang tepat pertukaran polisi ini tidak dapat dipastikan (Peserta 5, 2017). Selain itu, anggota wanita TD juga mula menggunakan tudung dengan pengeras di bahagian muka (dipanggil tudung segera atau tudung *awning*) yang lebih kelihatan kemas dan professional.

Semasa fasa ini, cabaran dalam mengubah pakaian seragam adalah berkaitan dengan isu praktikal dan keseragaman. Dari segi praktikal, ATM terpaksa memperbaiki ciri-cirinya untuk menambah keselesaan serta membantu anggota wanita TD menutup aurat dengan lebih sempurna. Untuk membolehkan anggota wanita TD beragama Islam memakai tudung semasa perarakan, pihak ATM terpaksa berkompromi dengan keinginan untuk menyeragamkan pakaian semua anggota wanita yang menganut pelbagai agama. Faktor fesyen semasa umat Islam Malaysia juga boleh dilihat pengaruhnya dengan penggunaan tudung segera oleh anggota wanita TD.

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Serupa dengan pakaian seragam jururawat di institusi lain di Malaysia dan di seluruh dunia, seragam jururawat tentera di Malaysia mengalami siri transformasi. Walaupun Malaysia telah memperoleh kemerdekaan ketika pengambilan pertama anggota wanita TD pertama pada tahun 1965 dan ketika pengambilan pertama jururawat TD pada tahun 1970, pakaian seragam yang digunakan mewarisi nilai kolonial yang bertentangan dengan norma masyarakat Melayu selaku penduduk majoriti di Malaysia. Reformasi yang diingini akhirnya berlaku pada tahun 1995, sekaligus menandakan permulaan fasa baru dalam sejarah pakaian seragam ATM. Transformasi pakaian seragam dalam fasa kedua kurang aktif berbanding fasa sebelumnya kerana pakaian seragam tersebut telah menjadi mesra Muslimah. Perubahan-perubahan yang berlaku ketika fasa kedua ini hanyalah perubahan kecil, maka proses mengusahakannya juga kurang bermasalah.

Reformasi pakaian seragam jururawat Melayu Muslim merupakan salah satu hasil daripada usaha dakwah oleh pihak KAGAT yang bermatlamat memastikan dasar-dasar ATM tidak bertentangan dengan Islam. Proses transformasi melibatkan proses pendidikan dan rundingan yang panjang untuk memurnikan nilai agama dan budaya Melayu dalam polisi pakaian seragam ATM. KAGAT bijak mengatur strategi dakwah bukan semata-mata

memfokuskan kepada polisi-polisi khusus (seperti pakaian seragam), malah mereka bergerak untuk menyuburkan kesedaran Islam di kalangan setiap anggota ATM secara umum melalui pelbagai cara. Dengan meningkatnya kefahaman, penghayatan serta pengamalan Islam di kalangan semua anggota, maka perubahan sesuatu polisi dapat berlaku dengan lebih berkesan.

Jika dibandingkan revolusi pakaian jururawat wanita TD dengan institusi lain, revolusi pakaian seragam di TD berubah dengan lebih drastik (dengan dua fasa sahaja) berbanding institusi lain yang melalui beberapa fasa lain seperti pakaian berlengan pendek berseluar panjang, diikuti oleh penggunaan penutup kepala yang mendedahkan leher sebelum dibenarkan berpakaian menutup aurat sepenuhnya (Saidun dan Akhmetova, 2020; Saidun, Akhmetova dan Rahman, 2021; Saidun dan Akhmetova, 2022). Usaha dakwah mungkin akan lebih mudah sekiranya pihak institusi meletakkan polisi tentang kedudukan Islam, seperti kes ATM dan Hospital Pusrawi. Sungguhpun demikian, proses mereformasi pakaian seragam tersebut tetap mencabar di semua institusi memandangkan mereka perlu mempertimbangkan pelbagai perkara termasuklah identiti, kos, praktikaliti dengan bidang tugas, prosedur penukaran polisi dan sebagainya.

Kesukaran yang dihadapi dalam usaha mereformasikan pakaian seragam wanita TD menggambarkan kekuatan pengaruh kolonial yang masih boleh dilihat di era pasca-kemerdekaan. Sejarah pakaian seragam wanita TD menonjolkan pelbagai strategi yang digunakan untuk mengatasi cabaran yang didepani untuk menerapkan nilai Islam dan budaya Melayu dalam polisi profesional yang mungkin boleh digunakan oleh institusi lain sebagai model teladan untuk mencapai hasrat yang serupa.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini merupakan sebahagian daripada tesis Doktor Falsafah penulis pertama yang diselia oleh penulis kedua di Universiti Islam Antarabangsa. Sekalung penghargaan kepada pihak berikut yang membolehkan kajian ini berlangsung:

1. Panglima Angkatan Tentera Malaysia
2. Panglima Tentera Darat Malaysia
3. Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia
4. Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia

5. Jawankuasa Etika, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (Nombor rujukan kelulusan: HATTM/EK/17-02)
6. Semua kakitangan Angkatan Tentera Malaysia yang memberi bantuan ketika kajian ini berlangsung

## RUJUKAN

- Affendi Buang Dilantik Panglima TUDM Baharu. (2016, Disember 22). *MStar Online*.  
<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/12/21/panglima-tudm>
- Air Force Chief Here. (1958, June 26). *The Straits Times*, 6.
- Akmal. (2019). Mantan Panglima Tentera Laut. *Tentera Laut DiRaja Malaysia*.  
<http://www.navy.mil.my/index.php/component/k2/itemlist/category/27-mantan-ptl>
- Ariffin, A. (2009). Perintah Ulung Panglima Angkatan Tentera ke-17. Kementerian Pertahanan Malaysia.
- ATM Rancang Swasta Hospital. (1995, Mac 10). *Berita Harian*, 1.
- Australian tour. (1968, September 9). *The Straits Times*, 11.
- Bidin, M. Z., Shatar, V. F. A., Yusof, A. M., Abdullah, S. L., & Hamat, N. (2003). 35 tahun Kor Kesihatan DiRaja 1967-2002 (35 years of the Royal Medical Corps 1967-2002).  
Kor Kesihatan Diraja Tentera Darat Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (n.d.). Dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Department of Information Malaysia.  
[http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/10DASAR\\_PENERAPAN NILAI.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/10DASAR_PENERAPAN NILAI.pdf)
- David, A. (2019, June 2). Zulkifli Bakal Dilantik Panglima ATM. *MyMetro*.  
<https://www.hmetro.com.my/utama/2018/06/345483/zulkifli-bakal-dilantik-panglima-atm>
- DPP: 1pc Demand by Air Chief is “Mere Allegation.” (1978, Mei 20). *The Straits Times*, 12.
- Kementerian Pertahanan Malaysia. (2019). Kumpulan Pengurusan Angkatan Tentera.  
<http://www.mod.gov.my/ms/mengenai-kami/kumpulan-pengurusan/majlis-angkatan-tentera.html>
- Kumpulan Media Karangkraf. (2013). Empat Bekas Panglima TUDM Terima Anugerah PJM.  
<https://www.karangkraf.com/berita/empat-bekas-panglima-tudm-terima-anugerah-pjm-1.230054>

- Latihan Elang Malindo 25/2014 Berjaya Tingkat Prosedur Operasi Bersama. (2014, September). Berita Udara 9, 12.
- Markaz Angkatan Tentera Malaysia. (2019). Bahagian Perkhidmatan Anggota. <http://www.mafhq.mil.my/index.php/my/111-mengenai-kami/markas-atm/225-bahagian-perkhidmatan-anggota>
- Mohd Anwar - Utamakan keluarga. (2018, April 29). *Utusan Online*. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0429&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Polis\\_&\\_Tentera&pg=te\\_05.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0429&pub=Utusan_Malaysia&sec=Polis_&_Tentera&pg=te_05.htm)
- Mohd Zin, M. R. (2006, April 14). Nilai Rohani Tumpuan KAGAT. *Utusan Online*. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0414&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0414&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm) Search 9/13/2017
- Muzium Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera Terendak Melaka. (2017). Pameran Pakaian Seragam Pembantu Jururawat.
- Muzium Tentera Darat Port Dickson Negeri Sembilan. (2017a). Pameran Aktiviti Wanita Tentera Darat.
- Muzium Tentera Darat Port Dickson Negeri Sembilan. (2017b). Pameran Pakaian Tentera.
- Muzium Tentera Darat Port Dickson Negeri Sembilan. (2017c). Pameran Wanita Tentera Darat.
- New Chief for Royal Malaysian Air Force. (1965, April 29). *The Straits Times*, 10.
- New RMAF Chief: It is a Privilege. (1965, Mei 6). *The Straits Times*, 6.
- Omar, Z. (1986, September). Enam Jeneral seperti adik dan abang. Berita Perajurit Malaysia Tentera Darat 3, 17.
- Panglima ATM Baharu Mulakan Tugas Rasmi. (2016, Disember 19). *MStar Online*. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/12/19/panglima-angkatan-tentera/Parade-for-Stacey>.
- Pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia. (2018). Gambar-gambar Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Pejabat Menteri Pertahanan Malaysia. (2018). Gambar-gambar Menteri Pertahanan Malaysia.
- Pejabat Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia. (2018). Gambar-gambar Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia.
- Peranan Tentera dalam Pembangunan. (1986, September). Berita Perajurit Malaysia Tentera Darat 3, 1.

- Peserta 4. (2017). Sejarah reformasi pakaian jururawat Tentera Darat. Kuala Lumpur. Temu bual, 17 Mei.
- Peserta 5. (2017). Sejarah reformasi pakaian jururawat Tentera Darat. Kuala Lumpur. Temu bual, 17 Mei.
- Peserta 6. (2017). Sejarah reformasi pakaian jururawat Tentera Darat. Kuala Lumpur. Temu bual, 23 Mei.
- Peserta 7. (2017). Sejarah reformasi pakaian jururawat Tentera Darat. Kuala Lumpur. Temu bual, 18 Julai.
- Peserta 9. (2017). Sejarah reformasi pakaian jururawat Tentera Darat. Kuala Lumpur. Temu bual, 10 Oktober.
- Peserta 10. (2017). Sejarah reformasi pakaian jururawat Tentera Darat. Kuala Lumpur. Temu bual, 19 Oktober.
- Peserta 11. (2017). Sejarah reformasi pakaian jururawat Tentera Darat. Kuala Lumpur. Temu bual, 19 Oktober.
- Pranita berpakaian seragam baru. (1995, March 10). *Utusan Malaysia*, 1–2.
- Ramly, S. R. (2001, October). PM lancar buku: Malbat & Malcon di Bosnia Herzegovina: Imbas Kembali. Berita Tentera Darat Malaysia 102, 1.
- RMAF to Switch Role. (1985, Julai 29). *The Straits Times*, 6.
- Roslan Saad Dilantik Panglima Tentera Udara Baharu. (2014, September 12). *Utusan Online*.  
<https://www.utusan.com.my/berita/nasional/roslan-saad-dilantik-panglima-tentera-udara-baharu-1.4794>
- Rusli, S. F. (2017). Ramah Mesra Prince Charles Bersama Bekas Pegawai Kadet Sandhurst. Betita Tentera Darat Malaysia Online. <https://btdmonline.net/2017/11/ramah-mesra-prince-charles-bersama-bekas-pegawai-kadet-sandhurst/>
- Ruzaini, N. (2017). KRD Sambut Ulang Tahun Ke-48. Betita Tentera Darat Malaysia Online.  
<https://btdmonline.net/2017/11/perisikan-td-kian-moden/>
- Saidun, S. & Akhmetova, E. (2020). From midi to Malay-Muslim-friendly: Hospital Universiti Sains Malaysia's journey in Malaysianising its nursing uniform. Kajian Malaysia 38(2), 1–24. <https://doi.org/10.21315/km2020.38.2.1>
- Saidun, S., Akhmetova, E. & Awang Abd Rahman, A. (2021). Harmonizing culture, religion, and professional nursing standards, Dress 47(1), 31-44.  
<https://doi.org/10.1080/03612112.2020.1756591>

- Saidun, S. & Akhmetova, E. (2022). The pursuit of making post-colonial Malay Muslim-friendly nurse uniforms at the Ministry of Health Malaysia (1957-2018): The experience of the “others”. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 15(2), 283-310. [http://doi.org/10.37052/jm.15\(2\)no7](http://doi.org/10.37052/jm.15(2)no7)
- Senarai Penyimpan Mohor Besar Raja-raja. (2018). Portal Data Terbuka Malaysia. [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/f73c24d2-c2de-4bfb-9e6bf24a256e7299/resource/003fb26c-a0c1-4157-a923-164ee6e6970b/download/3penyimpan-mohor-besar-raja-raja---senarai-penyimpan-mohor-besar-raja-raja.json](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/f73c24d2-c2de-4bfb-9e6bf24a256e7299/resource/003fb26c-a0c1-4157-a923-164ee6e6970b/download/3penyimpan-mohor-besar-raja-raja---senarai-penyimpan-mohor-besar-raja-raja.json)
- Seragam Baru Pranita. (1995, March 10). *Harian Metro*, 1.
- Tentera Darat Malaysia. (2018). Senarai Panglima Tentera Darat. <http://army.mod.gov.my/index.php/ms/104/107/202>
- Tugas Penting Jururawat Tentera. (1986, Julai). Berita Perajurit Malaysia Tentera Darat 1, 17.
- Uniform Baru Tentera Darat Tahan Lasak. (1986, Julai). Berita Perajurit Malaysia Tentera Darat 1, 12.
- Unit IT Sel Media. (2019a). Aktiviti KAGAT. Kor Agama Angkatan Tentera. <http://army.mod.gov.my/kagat/index.php/ms/jabatan-arah/penyataan-arah/aktiviti>
- Unit IT Sel Media. (2019b). Sejarah Kor. Kor Agama Angkatan Tentera. <http://army.mod.gov.my/kagat/index.php/ms/tentang-kor/sejarah-kor>